



KERATAN Kosmo! 19 Disember 2011.

# SPAD sentiasa pantau projek MRT

**KUALA LUMPUR** – Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sentiasa memantau perkembangan projek Transit Aliran Massa (MRT) bagi memastikan projek sistem pengangkutan awam negara itu berjalan lancar mengikut jadual, kata Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, untuk memastikan projek mega itu tidak tertangguh, SPAD telah menempatkan anggotanya dalam dua jawatankuasa pelaksanaan MRT yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara.

Sehingga kini, katanya, projek yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Julai tahun lepas itu berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan dan dijangka siap sepenuhnya pada 2016.

“MRT adalah satu projek yang sangat penting bagi SPAD. Ia dibina mengikut masa seperti yang dijadualkan.

“SPAD adalah penyelia yang diberikan kuasa dan kami juga mempunyai pegawai sebagai exco dan anggota pasukan teknikal dalam jawatankuasa pelaksanaan.

“Kami duduk di sana dan pantau, jadi kami tahu apa perkembangannya,” katanya selepas merasmikan Forum Pengangkutan Awam Darat 2012 di sini semalam.

Sehingga Mac lepas, 27 pakej kerja telah dianugerahkan kepada kontraktor yang layak meliputi kerja-kerja awalan seperti pengalihan utiliti dan penyediaan tanah daripada 86 pakej keseluruhan kerja MRT.

Merentasi laluan sejauh 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang dengan melalui Bandar Utama, Damansara, Taman Tun

Dr. Ismail, pusat bandar raya Kuala Lumpur dan Cheras yang terkenal dengan kepadatan penduduknya, MRT merupakan projek prasarana terbesar negara dan projek terbesar Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Model Baharu Ekonomi (MEB).

Apabila siap sepenuhnya pada 2016, MRT akan memberi kemudahan kepada lebih 10 juta penumpang di Lembah Klang dan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk Lembah Klang dijangka beralih menggunakan pengangkutan awam.